

-bah

Mahathir - Mustapha

KERAJAAN BELUM BINCANG PINDAAN PERLEMBAGAAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata kerajaan belum lagi membincangkan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi menentukan kedudukan Tun Mustapha Datu Harun sebagai anggota dewan undangan negeri dan Menteri persekutuan.

Masih ada banyak masa lagi untuk berbuat demikian dan tiada apa yang perlu disegerakan, katanya kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Ireland Albert Reynolds yang menamatkan lawatannya di sini sebelum berlepas ke Pulau Pinang, di Carcosa Seri Negara.

Beliau berkata Mustapha bakal memegang jawatan Menteri Hal Ehwal Sabah seperti yang diumumkan dan tarikh beliau mengangkat sumpah masih belum ditetapkan.

Perlantikan Mustapha diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 19 Mei dan upacara mengangkat sumpah yang dijadualkan Rabu lepas, telah ditangguhkan.

Cadangan meminda Perlembagaan bagi membolehkan Mustapha kekal sebagai anggota dewan undangan negeri (Usukan) di samping menjadi Menteri persekutuan, menjadi persoalan kini dan Perdana Menteri turut berkata pada Selasa, ia adalah antara tindakan yang sedang dipertimbangkan. -- Lagi

▼29/05/15-28MST

CNS9360

U GB 29-05 00153 BB094

bah

Mahathir - Mustapha 2 Kuala Lumpur

Presiden Majlis Peguam Zainur Zakaria ketika mengulas mengenai cadangan pindaan itu telah berkata ia tidak perlu terutama apabila hanya ditujukan kepada individu tertentu.

Ketika mengulas kenyataan Majlis Peguam yang mahu Perdana Menteri menimbang semula cadangan meminda Perlembagaan itu, Dr Mahathir berkata majlis itu hendaklah menjaga urusannya sendiri sebelum mengkritik orang lain.

Menyentuh mengenai dakwaan PBS bahawa parti itu akan berjaya jika pilihan raya kecil diadakan di Usukan, beliau berkata dakwaan seperti itu adalah perkara biasa.

Di SEREMBAN, Menteri Undang-undang Datuk Syed Hamid Albar berkata setiap pindaan yang dibuat oleh kerajaan terhadap Perlembagaan Persekutuan adalah sejajar dengan keperluan semasa.

"Kerajaan tidak akan membuat sesuatu yang menodai dan mengabaikan kedudukan undang-undang negara kerana selama ini kita menjunjung kedaulatan undang-undang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan di sini. -- Lagi

▼29/05/15-37MST

CNS9367

U GB 29-05 00068 BB095

bah

Mahathir - Mustapha 3 (Akhir) Kuala Lumpur

"Kerajaan juga tidak pernah meminda perlembagaan semata-mata untuk memuaskan hatinya atau untuk menyelamatkan kerajaan," katanya mengulas kenyataan Majlis Peguam itu.

Syed Hamid berkata sesuatu pindaan itu juga perlu ada hubungkait dengan keadaan sama ada sesuatu peruntukan yang hendak dipinda itu memberikan manfaat dan kebaikan kepada negara. -- Bernama.

RAB RON

▼29/05/15-42MST